

14 NOV 1997

DEWAN PERNIAGAAN CINA MALAYSIA SOKONG DR MAHATHIR

KUANTAN, 14 Nov (Bernama) -- Gabungan Dewan-dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) meluluskan resolusi khas menyokong sepenuhnya kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menerajui kerajaan Malaysia.

Resolusi itu dikemukakan Presiden ACCCIM Tan Sri Wee Boon Ping pada mesyuarat agung tahunan ke-51 gabungan itu di sini, hari ini. Ia dihantar melalui faks kepada pejabat media.

Resolusi itu menyebut bahawa demi mempertahankan kedaulatan dan kewibawaan negara, ACCCIM dan dewan-dewan perniagaan Cina dari seluruh negara menyokong sepenuhnya kepimpinan Dr Mahathir menerajui kerajaan Malaysia.

ACCCIM juga mengutuk sekeras-kerasnya sebarang muslihat campur tangan dalam hal ehwal negeri, mencemarkan imej baik Perdana Menteri serta mengancam kestabilan politik dan ekonomi Malaysia. -- BERNAMA

AZ AKD